

Sultan Azlan Shah mangkat

KOSMO 29/5/14 MS 201

ADUS YAM B S

Oleh SAHLIZAH MOHAMED
sahlizah.mohamed@kosmo.com.my

IPOH - Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, 86, mangkat pada pukul 1.30 petang semalam dan jenazah baginda akan dimakamkan di Makam Diraja Kuala Kangsar selepas solat Asar hari ini.

Jenazah Almarhum akan dibawa ke Balairong Seri Istana Iskandariah, Kuala Kangsar untuk penghormatan terakhir.

Baginda yang memerintah Perak selama tiga dekad sejak ditabalkan pada 3 Februari 1984, mangkat di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur.

Penghormatan terakhir bagi pembesar negeri dan orang kenamaan adalah pada pukul 9 pagi ini, manakala oleh orang ramai bermula pada pukul 11 pagi hingga 2 petang, diikuti sultan-sultan, raja-raja dan pembesar negara asing mulai pukul 2 petang hingga 3 petang.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir dalam



TUANKU BAINUN bersama Raja Eleena (kanan) di IJN, Kuala Lumpur semalam.

pengumuman secara langsung melalui RTM semalam berkata, bendera negeri Perak akan dikibar separuh tiang sepanjang tempoh perkabungan selama 100 hari mulai semalam, sementara bendera



JENAZAH Almarhum Sultan Azlan Shah dibawa masuk ke dalam van jenazah di IJN, Kuala Lumpur semalam.

Malaysia dikibar separuh tiang selama tujuh hari.

"Sepanjang tempoh perkabungan tujuh hari tersebut, semua bentuk hiburan, keramaian dan perayaan adalah dibatalkan," katanya.

Zambry turut mengisytiharkan hari ini sebagai cuti umum bagi negeri Perak sebagai tanda penghormatan sempena pemakaman Almarhum.

"Seluruh rakyat jelata negeri Pe-

rak telah kehilangan Sultan yang dikasihani dan berjiwa rakyat.

"Saya Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, mewakili seluruh rakyat jelata negeri Perak Darul Ridzuan merafak sembah takziah dan mendoakan semoga roh Almarhum Tuanku dicucuri rahmat dan ditempatkan oleh Allah dalam kalangan para anbiya, syuhada dan solihin," katanya dalam nada sebak.

Baginda meninggalkan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun; seorang putera, Pemangku Raja Perak, Raja Dr. Nazrin Shah serta tiga puteri iaitu Raja Datuk Seri Azureen, Raja Datuk Seri Aleena dan Raja Datuk Seri Yong Sofia.

Anakanda ketiga baginda Raja Datuk Seri Ashman Shah mangkat pada 30 Mac 2012.